



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***DIALEK DAN JATI DIRI MASYARAKAT BESUT DARI SUDUT
SOSIOLINGUISTIK***

SITI RAHIMAH MUSTAFFA

FBMK 2017 25



**DIALEK DAN JATI DIRI MASYARAKAT BESUT DARI SUDUT
SOSIOLINGUISTIK**

Oleh

SITI RAHIMAH BINTI MUSTAFFA

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Januari 201

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktof Falsafah

**DIALEK DAN JATI DIRI MASYARAKAT BESUT DARI SUDUT
SOSIOLINGUISTIK**

Oleh

SITI RAHIMAH BINTI MUSTAFFA

Januari 2017

Pengerusi: Prof. Madya Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD
Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Masyarakat Besut ialah sebuah masyarakat di negeri Terengganu yang menuturkan dialek Kelantan sebagai dialek asas mereka. Oleh sebab bahasa (dialek) memainkan peranan penting dalam menggambarkan keperibadian dan jati diri sesebuah masyarakat penutur, maka kajian ini pada umumnya bertujuan untuk mengkaji peranan dialek dalam pembentukan jati diri anggota masyarakat di daerah Besut. Bagi mencapai objektif tersebut, Mekanisme Perubahan Jati Diri dan Ciri Jati Diri Abdullah Hassan, Hipotesis Sapir-Whorf, dan Teori Gelombang telah digunakan dalam kajian ini. Sebanyak 120 orang responden Melayu di Besut telah dipilih untuk mendapatkan data melalui soalan soal selidik. Kemudian, data tersebut dianalisis menurut pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan dialek adalah tidak muktamad dalam menetapkan jati diri mereka. Hal ini demikian kerana selain bahasa, terdapat beberapa faktor lain yang boleh membentuk jati diri sesebuah masyarakat, termasuklah budaya, geografi, leluhur, dan agama. Akhir sekali, kajian ini memberikan gambaran sebenar tentang perihal jati diri masyarakat penutur dialek Kelantan di Besut.

Kata kunci: dialek Kelantan, budaya, geografi, leluhur, agama, jati diri.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

**DIALECT AND IDENTITY OF BESUT SOCIETY IN BESUT, TERENGGANU
FROM THE PERSPECTIVE OF SOSIOLINGUISTIC**

By

SITI RAHIMAH BINTI MUSTAFFA

Januari 2017

**Chairman: Assoc. Prof. Raja Masittah binti Raja Ariffin, PhD
Faculty: Modern Language and Communication**

Besut society is a Terengganuan' society that speak Kelantanese dialect as their basic dialect. Since language plays a significant role in determining identity of the community speakers, therefore the objectives of this study is to correlate the relationship between dialect and the identity of Besut society. In order to achieve the objective, these study were conducted using the Mechanisme of Identity Change and Identity Features by Abdullah Hassan, Sapir-Whorf Hipotesis, and Wave Theory. A total of 120 Malay respondents in Besut were selected to collect the data through questionnaires. Then, the responses of questionnaire were analyzed quantitatively and qualitatively. The results show that the dialect did not definitely influencing the speakers' identity. This is so because identity can be shaped by any other reasons such as culture, geography, ancestor, and religion. Finally, this study is important to give the real picture of the identity among the speakers of Kelantan dialect in Besut.

Key word: Kelantanese dialect, culture, geography, ancestor, religion, identity.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kepada Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat saya menyiapkan tesis doktor falsafah ini.

Pertama sekali, ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya, iaitu Prof. Madya Dr. Raja Masittah binti Raja Ariffin yang tidak pernah jemu membimbing, memberi nasihat, dan sentiasa memberi tunjuk ajar sepanjang saya menyiapkan tesis ini. Tanpa tunjuk ajar, kepercayaan dan kesabaran daripada beliau membimbing saya tidak mungkin saya berjaya menyiapkan tesis saya dalam jangka waktu ini. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Adi Yasran Abdul Aziz dan Prof. Madya Dr. Sharifudin Yusop selaku ahli jawatankuasa penyeliaan tesis ini yang sentiasa sedia membantu saya setiap kali saya memerlukan tunjuk ajar dan nasihat. Sesungguhnya hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalas segala jasa dan bakti yang telah dicurahkan oleh mereka.

Seterusnya, tidak dilupakan buat keluarga tercinta terutamanya ibu saya yang banyak memberi sokongan moral dan mendoakan kejayaan saya sepanjang waktu. Perhatian daripada beliau sesungguhnya menjadi nadi kekuatan saya sehingga saya berjaya menyiapkan tesis ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga buat rakan seperjuangan dan sahabat handai yang sentiasa menyokong dan memberikan sokongan moral sepanjang tempoh pengajian ini. Sesungguhnya kata-kata semangat yang disalurkan oleh kalian semua amat bermakna buat saya.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Profesor Dato' Dr. Teo Kok Seong, pihak pentadbiran Bahagian Siswazah Universiti Putra Malaysia dan semua pihak di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang banyak membantu saya dalam menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan aktiviti penyelidikan ini. Akhir sekali, saya merakamkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam proses menyiapkan tesis ini sama ada secara langsung atau secara tidak langsung.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 24 Januari 2017 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Siti Rahimah binti Mustaffa bagi menilai tesis beliau yang bertajuk "Dialek dan Jati Diri Masyarakat Besut dari Sudut Sociolinguistik" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Che Ibrahim bin Salleh, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Noor Aina binti Dani, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Dato' Teo Kok Seong, PhD

Profesor
Universiti Kebangsaan Malaysia
Malaysia
(Pemeriksa Luar)



NOR AINI AB. SHUKOR, PhD

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 2 Jun 2017

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Raja Masittah Raja Ariffin, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Adi Yasran Abdul Aziz, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Mohd Sharifudin Yusop, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Professor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan Pelajar siwazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____ Tarikh : _____

Nama dan No. Matrik: Siti Rahimah binti Mustaffa, GS34848

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan : Prof. Madya Raja Masittah Raja Ariffin

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Prof. Madya Adi Yasran Abdul Aziz

Tandatangan : _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan : Prof. Madya Mohd Sharifudin Yusop

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI PETA	xiv
BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Kepentingan Kajian	8
1.5 Skop Kajian	9
1.6 Definisi Operational	10
1.7.1 Dialek	10
1.7.2 Jati Diri	11
1.7.3 Masyarakat Besut	12
1.7.4 Sosiolinguistik	13
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	15
2.2 Kajian Terhadap Bahasa dan Budaya	16
2.3 Kajian Terhadap Bahasa dan Geografi	18
2.4 Kajian Terhadap Bahasa dan Leluhur	20
2.5 Kajian Terhadap Bahasa dan Agama	22
2.6 Kajian Terhadap Bahasa/Dialek dan Jati Diri	25
2.7 Perkaitan antara Kajian Lalu dan Kajian ini	30
3 METODOLOGI	
3.1 Pengenalan	32
3.2 Reka Bentuk Kajian	32
3.3 Konsep dan Kerangka Teori	33
3.3.1 Mekanisme Perubahan Jati Diri dan Ciri Pembentukan Jati Diri Abdullah Hassan.	33
3.3.2 Hipotesis Sapir-Whorf	36
3.3.3 Teori Gelombang	39
3.4 Kerangka Konsepsi	43
3.5 Tempat Kajian	44
3.6 Populasi dan Pensampelan	48
3.7 Kaedah Kajian	49
3.8 Alat Kajian	50

3.9	Kesahan dan Kebolehpercayaan	52
3.10	Tatacara Kajian	53
3.11	Penganalisisan Data	54
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	55
4.2	Hubungan Dialek dengan Budaya	56
4.2.1	Kesenian dan Kebudayaan	57
4.2.2	Masakan dan Makanan Tradisional	63
4.2.2.1	Ketupat Sotong	63
4.2.2.2	Nasi Dagang	64
4.2.2.3	Ikan Singgang	64
4.2.3	Cara Hidup	67
4.2.4	Kesimpulan	74
4.3	Hubungan Dialek dengan Geografi	75
4.3.1	Mobiliti Penduduk	78
4.3.2	Peranan Dialek Kelantan Sebagai Dialek Asas	85
4.3.3	Kesimpulan	90
4.4	Hubungan Dialek dengan Leluhur	91
4.4.1	Penghijrahan dan Migrasi	94
4.4.2	Kontak Bahasa	96
4.4.3	Perkahwinan Campur dan Persanakan	97
4.4.4	Kesimpulan	107
4.5	Hubungan Dialek dan Aktiviti Keagamaan	107
4.5.1	Aktiviti Keagamaan	108
4.5.2	Jati Diri Masyarakat Besut Melalui Aktiviti Keagamaan	114
4.5.3	Kesimpulan	115
4.6	Penggunaan Dialek dengan Pembentukan Jati Diri Masyarakat Besut	115
4.6.1	Persepsi Masyarakat Besut terhadap Dialek Kelantan	117
4.6.2	Jati Diri Penutur Dialek Kelantan di Besut	121
4.7	Implikasi Dapatan Kajian	126
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	128
5.2	Rumusan	128
5.3	Cadangan	136

RUJUKAN	138
LAMPIRAN	143
BIODATA PELAJAR	215
SENARAI PENERBITAN	216



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Keluasan Mukim-mukim di Daerah Besut, Terengganu	46
3.2	Jumlah Penduduk Mengikut Kumpulan Etnik dan Mukim di Daerah Besut, Terengganu, Malaysia, 2010	47
3.3	Jumlah Penduduk Mengikut Jantina, Isi Rumah dan Tempat Kediaman Di Daerah Besut, Terengganu, Malaysia, 2010	48
3.4	Indeks ketekalan dalam Alpha Cronbach	53
4.1	Profil sosiolinguistik di Besut	55
4.2	Persembahan Tradisional yang Diminati	58
4.3	Alasan Meminati Persembahan Budaya Tradisional Tersebut	59
4.4	Persembahan Tradisional yang Sering Ditonton di Besut	60
4.5	Pemilihan Persembahan Tradisional	61
4.6	Perasaan Bangga dengan Persembahan Tradisional yang Digemari	62
4.7	Masakan dan Makanan Kegemaran	65
4.8	Sebab Memilih Jenis Masakan Tersebut	66
4.9	Perasaan Bangga dengan Makanan Tradisional Tersebut	66
4.10	Budaya, Adat Resam dan Cara Hidup yang Diamalkan oleh Responden	67
4.11	Alasan Responden Mengamalkan Budaya, Adat Resam dan Cara Hidup seperti Orang Kelantan	70
4.12	Alasan Responden Mengamalkan Budaya, Adat Resam dan Cara Hidup seperti Orang Terengganu	71
4.13	Amalan Pertuturan dalam Dialek Kelantan Mempengaruhi Cara Hidup	72
4.14	Responden ingin Mengekalkan Cara Hidup dan Budaya Kelantan Kepada Anak Cucu	73
4.15	Jawapan Responden apabila Ditanya 'Berasal Dari Mana'	76
4.16	Alasan Memilih Jawapan Negeri Kelantan/Terengganu	77
4.17	Bandar yang Sering Dikunjungi	78
4.18	Alasan Memilih Jawapan/Bandar Tersebut	79
4.19	Keperluan Penggunaan Dialek Terengganu dalam Percakapan Harian	81
4.20	Faktor Geografi Besut yang Dekat dengan Kelantan Merupakan Salah Satu Sebab Responden Menggunakan Dialek Kelantan	81
4.21	Pendapat Responden Mengenai Sebab Penduduk Besut Menuturkan Dialek Kelantan	84
4.22	Alasan Responden yang Menjawab 'tahu'	84
4.23	Tanggapan Responden Mengenai Dialek yang Dituturkan Mewakili Negeri yang Diduduki	85
4.24	Pendapat Responden Mengenai Kewajaran Penduduk dalam Jajahan Terengganu Wajar Menuturkan Dialek Kelantan	89
4.25	Asal-usul Salasilah Nenek Moyang	92
4.26	Responden Mempunyai Sanak Saudara yang Berasal dari Terengganu dan Telah Lama Menetap di Besut	94
4.27	Sanak Saudara yang Berasal dari Terengganu dan Masih Menuturkan Dialek Terengganu Sebagai Dialek Harian	95

4.28	Alasan Responden Bertutur dalam Dialek Kelantan kerana Dialek Tersebut Merupakan Warisan daripada Nenek Moyang	97
4.29	Responden Bertutur Dialek Terengganu dengan Ahli Keluarga yang Bertutur dalam Dialek Terengganu	99
4.30	Alasan Responden Menuturkan Dialek Terengganu dengan Ahli Keluarga yang Bertutur dalam Dialek Terengganu	100
4.31	Responden Mahu Menuturkan Dialek Terengganu Sekiranya Mengetahui Leluhur Berasal dari Terengganu	102
4.32	Sebab Responden Berbangga dan Bertanggungjawab Menuturkan Dialek Terengganu	102
4.33	Responden Bangga dengan Dialek Asal Nenek Moyang dan Berasa Perlu Mempertahankannya	105
4.34	Sebab Responden Bangga/Tidak Bangga dengan Dialek Asal Nenek Moyang	106
4.35	Penggunaan Dialek dalam Aktiviti Keagamaan di Besut	109
4.36	Responden Belajar Mengaji/Iqra' di Besut	110
4.37	Individu yang Terlibat Mengajar Mengaji/Iqra'	110
4.38	Sebutan <i>Alif Ba Ta</i> yang dipelajari	111
4.39	Responden Pernah Menggunakan Istilah daripada Dialek Terengganu Dalam Aktiviti/Upacara Keagamaan Bersama Keluarga, Rakan-rakan dan Masyarakat Setempat	112
4.40	Responden Pernah Mendengar Ceramah/Khutbah/Kelas Agama dalam Dialek Terengganu	113
4.41	Perasaan Apabila Mendengar Ceramah/Khutbah/Kelas Agama dalam Dialek Terengganu	113
4.42	Analisis Deskriptif Skala Likert	117
4.43	Min Purata Keseluruhan Pengaruh Dialek Kelantan Berdasarkan Elemen Budaya, Geografi, Leluhur, dan Agama.	121

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Ciri Pembentukan Jati diri Abdullah Hassan	34
3.2	Ciri Pembentukan Jati Diri yang diubah suai	36
3.3	Bahasa dan Budaya	38
3.4	Bahasa dan Pemikiran/Persepsi	38
3.5	Pembentukan Corak Masyarakat Penutur	39
3.6	Gambaran Riak Gelombang	40
3.7	Rantaian Dialek Seperti Riak Gelombang	41



SENARAI PETA

Peta		Halaman
3.1	Mukim Daerah Besut	45
4.1	Sempadan daerah Besut dengan Kuala Terengganu dan Kota Bharu	80
4.2	Kawasan Penempatan Awal di Besut	93



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa merupakan alat komunikasi yang digunakan oleh manusia untuk saling berinteraksi dan berhubungan antara satu sama lain. Bahasa dituturkan oleh banyak penutur, maka penggunaan bahasa bagi setiap kelompok penutur adalah berbeza bergantung kepada pergaulan, cara hidup dan ruang geografi. Perbezaan tersebut seterusnya menyumbang kepada kelainan dalam penggunaan bahasa, lalu terbentuklah suatu bentuk pertuturan yang hanya dituturkan oleh kelompok tertentu. Bentuk pertuturan yang berbeza dari segi loghat, slanga atau ragam pertuturan itu dikenali sebagai dialek, subdialek dan idiolek.

Hal ini bertepatan dengan definisi dialek yang diberikan oleh kebanyakan ahli dialektologi, yakni dialek sebagai satu ragam bahasa yang dapat dibezakan dengan tegas daripada ragam lain melalui ciri lafaz, kosa kata atau tatabahasanya (Collins, 1986). Dialek tersebut walau bagaimanapun masih mempunyai persamaan dan kefahaman menyalang antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana dialek tersebut berasal daripada satu bahasa induk yang sama. Justeru itu, Chambers dan Trudgill, (1990: 3), menganggap dialek sebagai cabang kecil sesuatu bahasa.

Bahasa Melayu merupakan bahasa yang bertuah lantaran penggunaannya diwarnai pelbagai dialek yang menarik. Antara faktor terpenting yang menyumbang kepada kewujudan dialek Melayu di Malaysia ialah keadaan geografinya yang berbukit dan dikelilingi hutan rimba. Keadaan tersebut menyebabkan terputusnya hubungan komunikasi dan perhubungan antara satu sama lain, lalu kawasan tersebut dibahagi-bahagikan melalui sempadan politik. Konsep kawasan sempadan politik yang wujud daripada pembahagian negara kepada unit politik yang lebih kecil secara tidak langsung telah mewujudkan kawasan sempadan dialek, seterusnya menjadikan dialek yang dituturkan di kawasan politik tersebut dikenali dengan nama kawasan politiknya seperti Kelantan (dialek Kelantan), Terengganu (dialek Terengganu dan lain-lain).

Namun begitu, menurut Abdul Hamid Mahmood (1990:218), pembahagian dialek berdasarkan sempadan politik ini didapati kurang tepat kerana penyebaran satu-satu dialek itu kerap melampaui kawasan politik tersebut. Maka, sempadan politik bukanlah ukuran untuk menentukan dialek masyarakat penuturnya. Asmah (2008:142) pula berpendapat bahawa tiada sempadan yang memisahkan sesuatu bahasa, dialek atau subdialek kerana titik pertembungan antara dua bahasa tersebut telah mewujudkan satu kawasan peralihan yang menunjukkan percampuran pelbagai bahasa, dialek atau subdialek dari kawasan yang berdekatan itu. Titik pertembungan tersebut dikenali sebagai isoglos.

Isoglos ialah garisan sempadan antara dua kawasan berdekatan yang berbeza ciri linguistiknya. Walaupun begitu, isoglos bukan garis yang menandakan berakhirnya penggunaan sesuatu dialek geografi, tetapi kawasan ini merupakan kawasan percampuran dialek atau kawasan peralihan dialek (Noriah, 2003). Maka isoglos merupakan satu garisan sempadan yang mengandungi percampuran dialek daripada dua kawasan tersebut. Percampuran kedua-dua ciri linguistik tersebut membuktikan bahawa penyebaran dan pengakhiran sesuatu dialek tidak dapat diukur oleh garis sempadan.

Oleh hal yang demikian, geografi bukanlah satu-satunya faktor utama yang mempengaruhi penggunaan dialek kerana penyebaran dialek berlaku secara rawak dan berselerakan. Oleh sebab itu, terdapat banyak lagi faktor lain yang mempengaruhi kewujudan dan penyebaran sesuatu dialek, misalnya faktor sejarah, leluhur, sosiobudaya, dan agama. Hal ini menjelaskan perihal orang yang berkongsi dialek yang sama tetapi mempunyai cara hidup dan pandangan alam yang berbeza. Oleh itu, dialek merupakan satu bentuk pertuturan yang bukan sahaja menggambarkan kawasan politik atau tanah jajahan sesebuah negeri, bahkan menjadi tembok yang memisahkan sesebuah kelompok dengan kelompok yang lain.

Tembok yang dimaksudkan ialah perasaan kekitaan dan jurang yang memisahkan antara sesebuah kelompok penutur dengan kelompok penutur. Lakuan bahasa adalah lakuan identiti, bahasa yang dituturkan oleh seseorang dan identitinya sebagai penutur bahasa berkenaan tak terpisahkan (Idris Aman et. al, 2011:81). Justeru, dialek sebagai sebahagian daripada bahasa turut berperanan sebagai lambang jati diri individu dan kelompoknya. Kramsch (1998:65) mengemukakan bahawa bahasa dikatakan menjadi lambang kepada jati diri apabila wujudnya hubungan semula jadi antara bahasa yang digunakan oleh sesebuah komuniti dengan jati diri komuniti tersebut. Dengan itu, seseorang penutur diidentifikasi sebagai penutur sesebuah komuniti melalui aksen, kosa kata, dan gaya pencakapan.

Kepentingan bahasa sebagai pembentuk jati diri turut ditegaskan oleh Saville-Troike (1991: 204) bahawa walau apapun pilihan yang dibuat mengenai keanggotaan sesebuah kumpulan, bahasa merupakan satu faktor penting sebagai lencana jati diri. Hal ini bermakna kecintaan dan kesetiaan terhadap sesuatu bahasa atau dialek akan membawa kepada pembentukan jati dirinya. Contoh yang paling dekat dengan situasi di atas ialah pembentukan jati diri penutur di kawasan yang mempunyai pertembungan antara sekurang-kurangnya dua bahasa atau dialek yakni di kawasan peralihan. Jika diteliti dengan lebih mendalam, para penutur di kawasan peralihan dilihat lebih cenderung mengalami kekeliruan jati diri lantaran wujudnya penindasan ciri dialek di kawasan tersebut.

Salah satu kawasan peralihan yang mempunyai pertembungan kedua-dua ciri dialek dan jati diri ialah di daerah Besut, Terengganu. Hakikatnya, Besut merupakan satu daripada tujuh buah daerah yang terdapat di negeri Terengganu yang bersempadan dengan negeri Kelantan di bahagian Utara, daerah Setiu di Barat, daerah Setiu dan Hulu Terengganu di Timur dan daerah Hulu Terengganu di Selatan. Situasi kebahasaan di Besut menepati kenyataan yang diujarkan oleh Noriah (2003: 16) bahawa kawasan geografi linguistik kadang-kadang tidak sama dengan kawasan geografi politik. Hal ini

demikian kerana kawasan geografi linguistik penduduk Besut ialah dialek Melayu Kelantan manakala kawasan politiknya ialah negeri Terengganu.

Situasi tersebut menunjukkan bahawa kawasan geografi linguistik dialek Melayu Terengganu tidak tersebar ke Besut, dan sehingga ke hari ini loghat Kelantan masih digunakan di kawasan geografi tersebut. Berdasarkan situasi kebahasaan di kawasan ini, jelas bahawa dialek yang dituturkan tidak semestinya mewakili kawasan politik yang didiami. Seterusnya, ketidakseragaman kawasan geografi politik dengan kawasan geografi linguistik boleh menimbulkan persoalan jati diri dalam kalangan penuturnya kerana baik politik (negeri) mahupun ciri linguistik merupakan agen penting dalam pembentukan jati diri seseorang individu.

1.2 Pernyataan Masalah

Penyelidikan memerlukan permasalahan atau disebut “masalah kajian” yang sinonim dengan persoalan dan memerlukan penyelidikan khusus sebagai usaha mencari jawapan sebenar (Sulaiman Masri, 2005:13). Justeru, beberapa persoalan dan permasalahan yang belum terungkai secara ilmiah mendorong kepada kajian ini dilakukan, iaitu hubungan antara bahasa dan budaya; bahasa dan geografi; bahasa dan leluhur; bahasa dan aktiviti keagamaan; dan akhir sekali ialah hubungan antara bahasa dan jati diri. Keempat-empat elemen (budaya, geografi, leluhur, dan aktiviti keagamaan) tersebut merupakan empat daripada lima elemen pembentukan jati diri yang telah dikemukakan oleh Abdullah Hassan (2009), yakni bahasa, budaya, geografi, leluhur dan agama.

Hipotesis Sapir-Whorf menekankan bahawa bahasa mempunyai kaitan yang erat dengan budaya, dan budaya adalah realiti yang ditentukan melalui bahasa, manakala menurut Asmah (1980: 79), bahasa mencerminkan kebudayaan penuturnya, yakni cara hidup mereka serta sekitaran fizikal dan sosial mereka. Justeru, pertembungan antara dua masyarakat dan dialek berbeza akan mewujudkan pertembungan antara dua budaya, dan sebagai sebuah daerah yang mempunyai penutur yang berasal daripada dua dialek yang berbeza, masyarakat Besut juga tidak dapat dipisahkan daripada pengaruh nilai-nilai sosial budaya dan pemikiran daripada dua golongan masyarakat asalnya seperti yang dinyatakan oleh Asmah (2008: 315):

“kawasan Besut di Terengganu, misalnya, merupakan salah satu contoh yang baik sebagai kawasan yang memperlihatkan campur aduk ciri-ciri dialek Kelantan dan dialek Terengganu.”

Namun demikian, menurut Adi Yasran (2005: 5), percampuran antara dialek Kelantan dan dialek Terengganu hanya berlaku di sesetengah kawasan di daerah Setiu yang berhampiran dengan Kuala Terengganu. Menurut pemerhatian beliau juga, sekiranya seseorang individu di Besut bertutur dalam dialek Terengganu, maka individu tersebut sememangnya berasal dari Terengganu, bukan dari Besut. Hal ini demikian kerana percampuran dialek Terengganu di Besut hanya berlaku di Setiu, bukan di Besut. Justeru, identiti linguistik masyarakat Besut menunjukkan bahawa mereka menggunakan dialek Kelantan dalam kehidupan seharian.

Walaupun identiti linguistik masyarakat Besut adalah dialek Kelantan, namun identiti kebudayaan mereka tidak semestinya seragam dengan identiti kebudayaan masyarakat negeri Kelantan. Begitu juga sebaliknya, meskipun mereka tidak menuturkan dialek Terengganu, keperibadian kebudayaan mereka tidak semestinya bertentangan dengan keperibadian kebudayaan masyarakat Terengganu. Menurut Lee Yok Fee (2011: 69), selain daripada bahasa, sesebuah identiti kebudayaan itu dapat dilihat pada elemen budaya seperti pakaian, gaya rambut, makanan, cara memasak, sistem kepercayaan, dan adat. Oleh hal yang demikian, kajian ini berusaha untuk mengenal pasti implikasi dan realiti penggunaan dialek Kelantan terhadap keperibadian kebudayaan yang dimiliki oleh masyarakat Besut.

Besut sebagai kawasan sempadan Terengganu-Kelantan tidak memperlihatkan percampuran dua ciri dialek dalam pertuturan masyarakatnya, bahkan masyarakat Besut rata-ratanya berloghatkan Kelantan (Mat Hussin, 1989: 83) seperti orang di negeri Kelantan. Hal ini terjadi kerana masyarakat awal yang mendiami Besut majoritinya berasal dari Kelantan dan faktor kawasan geografi Besut yang berdekatan dengan pusat budaya atau kawasan tumpuan negeri Kelantan, iaitu Kota Bharu menyebabkan dialek Kelantan berkembang pesat di Besut. Seperti juga masyarakat di negeri Kelantan, masyarakat Besut turut menuturkan dialek Kelantan dalam semua aspek kehidupan, seperti urusan komunikasi harian, urusan perniagaan, pentadbiran, pendidikan dan perancangan.

Realiti ini bukan sahaja dilihat berlaku di Besut, bahkan dialek Kelantan juga turut dituturkan di Utara Pahang (Kuantan, Merapoh, Kuala Lipis), Utara Kedah (Jeli), dan Selatan Thailand (Narathiwat, Yala dan Pattani). Selain dialek Kelantan, situasi kebahasaan ini turut berlaku terhadap dialek Terengganu, misalnya di dua kawasan penempatan di Pahang, iaitu Kuala Pahang dan Pekan yang telah memperlihatkan kewujudan pertuturan dialek Terengganu dalam kalangan masyarakat di kawasan tersebut. Hal tersebut menunjukkan bahawa dialek Terengganu turut mempunyai pengaruh yang kuat dalam menentukan dialek asas sesebuah masyarakat dari luar kawasan geografi politiknya.

Fenomena tersebut menunjukkan bahawa sempadan dialek tidak semestinya mengikut sempadan politik tersebut, dan situasi di kawasan kajian ini memperlihatkan situasi yang sama apabila geografi daerah Besut memperlihatkan ketidakseragaman dengan geografi linguistiknya. Namun begitu, sebagai sebuah kawasan yang bernaung dalam kawasan geografi negeri Terengganu, ketegaran dialek Kelantan dalam kalangan masyarakat Besut adalah sesuatu hal yang mengagumkan. Justeru, kepentingan dan keistimewaan geografi sebagai salah satu faktor pemerolehan dialek Kelantan di Besut akan diteliti dalam kajian ini.

Masyarakat yang menjadi fokus dalam kajian ini ialah sebuah masyarakat Melayu yang pada asalnya dikenali sebagai dua kelompok masyarakat yang berbeza dialek dan jati diri. Hal ini demikian kerana selain menerima migrasi daripada orang Kelantan, Besut juga telah menerima migrasi daripada kelompok orang Terengganu. Kenyataan ini telah dikemukakan oleh Mat Hussin, (1989: 83) bahawa;

“...masyarakat awal yang bertumpu di dua kawasan tadi (Kampung Raja dan Setiu) adalah mereka yang datang dari Kuala Terengganu. Golongan ini berikutnya membina diri sebagai pembesar daerah atau sebagai ‘raja’ di dalam masyarakat Besut”

Seterusnya, migrasi orang Kelantan ke Besut bermula selepas meletusnya peperangan di Kelantan.

“...penghijrahan orang-orang Kelantan umpamanya jelas berlaku semasa hubungan baik Long Yunus dengan Kesultanan Terengganu, seterusnya ramai antara mereka tinggal di Palembang (Besut) dan membuka penempatan baru di Besut. Malah penghijrahan orang-orang Melayu Kelantan dalam komuniti yang agak besar ke Besut dapat dikesan dengan pecahnya Perang Tok Janggut menentang Inggeris di Pasir Puteh, Kelantan pada tahun 1915.” (Mat Hussin, 1989:74)

Tulisan lampau tersebut membuktikan bahawa Besut pada awalnya telah didiami oleh masyarakat daripada kedua-dua negeri yang bersempadan dengannya, iaitu negeri Kelantan dan Terengganu. Sejajar dengan perpindahan mereka ke Besut, sudah pasti mereka membawa bersama dialek dan cara percakapan asal mereka. Secara logiknya, keadaan tersebut mendorong kepada pertembungan antara dua kelompok masyarakat dengan dua leluhur yang berbeza ciri dialeknnya. Meskipun begitu, dialek kepunyaan leluhur dari Kelantan sahaja yang masih dikekalkan dan dipertahankan sehingga ke hari ini, manakala dialek yang dibawa oleh leluhur Terengganu tidak dapat dipertahankan fungsinya.

Oleh hal yang demikian, kajian ini berusaha untuk menyusur galur leluhur penduduk Besut, seterusnya meninjau persepsi dan tanggapan mereka terhadap dialek asal leluhur mereka. Dengan itu, penelitian terhadap susur galur masyarakat Besut ini akan memberikan penjelasan terhadap keterkaitan antara penggunaan dialek dengan kecintaan dan kesetiaan terhadap leluhur mereka.

Bahasa dan agama berkongsi satu elemen yang sama, yakni kedua-duanya mempengaruhi cara pandangan hidup manusia serta bagaimana manusia mempersepsi dunia di sekelilingnya. Bahasa ialah elemen untuk meluahkan persepsi dan pemikiran, manakala agama merupakan tunjang kepada persepsi dan pemikiran manusia dalam menanggapi kehidupan seharian. Oleh yang demikian, agama merupakan salah satu domain pemilihan bahasa dalam kalangan masyarakat. Bagi sesetengah masyarakat, agama memainkan peranan penting dalam mengekalkan kelangsungan bahasa mereka, seterusnya mempengaruhi jati diri masyarakatnya. Kepentingan bahasa sebagai alat komunikasi keagamaan turut dikemukakan oleh Sa’adiah (2014: 40), iaitu bahasa yang dituturkan menjadi alat untuk menjalankan kegiatan keagamaan dalam kehidupan sesebuah masyarakat, dan pemilihan sesuatu bahasa yang digunakan dalam sesebuah masyarakat bahasa juga mempunyai kaitan dengan agama yang dianuti.

Justeru, sebagai salah sebuah daerah dalam jajahan Terengganu, kewujudan dialek Terengganu dalam sesetengah istilah dan aktiviti keagamaan masyarakat Besut bukanlah perkara yang menghairankan. Tambahan pula, orang Terengganu merupakan salah sebuah komuniti terawal yang mendiami Besut. Oleh hal yang demikian, kewujudan pengaruh dialek Terengganu dalam hal ehwal keagamaan masyarakat Besut bukanlah perkara yang mustahil sekiranya terjadi. Ekoran itu, penulis tertarik untuk meneliti pemilihan dan penggunaan bahasa dalam aktiviti keagamaan masyarakat penutur dialek Kelantan di Besut untuk melihat sama ada pengaruh dialek Terengganu turut mempengaruhi aktiviti keagamaan masyarakat Besut, atau sebaliknya.

Menurut Norizah (2005: 174), bahasa yang dituturkan oleh seseorang atau sekumpulan masyarakat merupakan identiti masyarakat tersebut. Hal ini bermakna bahasa mampu mempengaruhi jati diri dan pemikiran anggota masyarakatnya. Namun demikian, sejauh mana bahasa atau dialek berperanan dalam membentuk jati diri penuturnya merupakan persoalan yang menarik untuk dikaji. Keunikan hubungan antara bahasa dan jati diri turut disokong oleh beberapa orang pengkaji bahasa dari dalam mahupun luar negara, antaranya ialah:

“Adanya keberhubungan antara bahasa, masyarakat, budaya, dan pikiran manusia (penuturnya) telah menjadi pokok bahasan yang terus berkembang dan menarik untuk dipelajari.” (Jufrizal *et. al*, 2007: 2)

“Hubungan antara bahasa dengan identiti adalah sesuatu yang amat kompleks dan petanda-petanda yang penting kepada sifatnya mungkin boleh didapati pada perubahan-perubahan pola-pola penyebaran dan penggunaan bahasa melalui masa dan juga melalui fenomena sinkronik.” (Saville-Troike, 1991: 208)

Justeru, kawasan kajian ini merupakan daerah yang istimewa lantaran sejarah awalnya menyaksikan migrasi dua kumpulan penduduk dari dua buah negeri yang berlainan dialek ke daerah tersebut. Seterusnya, didapati hanya dialek daripada kelompok majoriti (dialek Kelantan) yang masih mampu bertahan sehingga ke hari ini, manakala dialek daripada kelompok minoriti (dialek Terengganu) telah hilang fungsinya sebagai alat komunikasi dalam kalangan penutur di daerah tersebut. Masyarakat Besut turut menyebut orang yang berdialek Terengganu sebagai ‘orang Terengganu’ sedangkan pada hakikat politik dan geografinya, masyarakat Besut itu sendiri adalah ‘orang Terengganu’. Hal ini menunjukkan bahawa perbezaan dialek berupaya menjadi pemisah antara dua kelompok masyarakat penutur yang berbeza.

Pemisahan tersebut membuktikan bahawa masyarakat Besut mempunyai imaginasi dan sikap positif terhadap dialek Kelantan sehingga penggunaan dialek tersebut turut dizahirkan sebagai pengenalan diri individu dan masyarakat mereka. Walaupun mereka tidak menuturkan dialek Kelantan, tidak semestinya jati diri Terengganu tidak diidamkan sebagai tanda jati diri mereka kerana berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Sa’adiah (2011) terhadap masyarakat Narum sarawak, sikap terhadap bahasa tidak

berfungsi sebagai penanda jati diri masyarakat tersebut. Dengan perkataan lain, bahasa yang menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian mereka tidak semestinya melambangkan 'siapa' diri mereka.

Demikian juga halnya dengan masyarakat Besut, umum menyedari bahawa masyarakat Besut bertutur dalam dialek Kelantan, namun demikian tiada pula kajian ilmiah yang membuktikan bahawa jati diri masyarakat Besut adalah seragam dengan dialek yang dituturkan. Maka, persoalan dialek dan jati diri masyarakat Besut ini adalah sesuatu persoalan yang masih belum dirungkai secara ilmiah. Forum perbualan seperti yang dikemukakan di dalam bahagian Lampiran B11 membuktikan bahawa persoalan dialek dan jati diri masyarakat Besut ini sering kali menjadi topik perbualan dengan pelbagai tanggapan yang menjadi tanya tanya. Oleh sebab itu, berbanding dengan tanggapan yang dibuat secara sepintas lalu, kajian berbentuk ilmiah seperti ini dapat membuktikan kesahihan dan kebolehpercayaan fakta dan tanggapan tersebut.

1.3 Persoalan Kajian

Persoalan utama kajian ini berfokus kepada hubungan antara dialek dan jati diri masyarakat penutur dialek Besut dengan melihat dari sudut leluhur, geografi, budaya dan agama. Berdasarkan mekanisme perubahan jati diri dan ciri pembentukan jati diri yang dikemukakan oleh Abdullah (2009: 64), bahasa merupakan salah satu ciri yang membentuk jati diri manusia, namun beliau turut menekankan bahawa dengan menuturkan bahasa yang sama kelompok masyarakat tersebut tidak semestinya berkongsi dan memiliki jati diri yang sama kerana perubahan lakuan bahasa akan mempengaruhi jati diri penuturnya.

Masyarakat Besut sememangnya mempertahankan dialek Kelantan dalam kehidupan mereka. Namun demikian, timbul persoalan bahawa; adakah dengan menuturkan dialek Kelantan, mereka berkongsi dan memiliki jati diri yang sama seperti orang Kelantan. Justeru, kajian ini berusaha untuk menjawab persoalan keterkaitan antara dialek dan jati diri masyarakat Besut, dan untuk menjawab persoalan tersebut, pengkaji terlebih dahulu mengenal pasti faktor yang mendorong penggunaan dialek Kelantan di Besut dengan menggunakan lima domain atau ciri pembentukan jati diri yang dikemukakan oleh Abdullah (2009), iaitu bahasa, budaya, geografi, leluhur dan agama. Antara persoalan tersebut ialah:

1. Sejauh manakah budaya berhubung kait dengan dialek?
2. Sejauh manakah geografi mempengaruhi dialek Kelantan di Besut?
3. Sejauh manakah leluhur mempengaruhi pemerolehan dialek Kelantan di Besut?
4. Sejauh manakah hubungan antara dialek dengan aktiviti keagamaan penuturnya?
5. Sejauh manakah dialek mempengaruhi pembentukan jati diri masyarakat Besut?

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini pada umumnya bertujuan untuk mengkaji peranan dialek dalam pembentukan jati diri anggota masyarakat di daerah Besut. Secara khususnya pula, kajian ini bertujuan untuk:

1. mengenal pasti penggunaan dialek dengan budaya masyarakat penutur dialek Besut;
2. menghuraikan penggunaan dialek dengan geografi masyarakat penutur dialek Besut;
3. menganalisis penggunaan dialek dengan leluhur masyarakat penutur dialek Besut;
4. menjelaskan penggunaan dialek dengan aktiviti keagamaan masyarakat penutur dialek Besut; dan
5. mengupas penggunaan dialek dengan pembentukan jati diri masyarakat Besut.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan sangat penting kepada penutur dialek Terengganu dan penutur dialek Kelantan. Seperti yang tercatat dalam sejarah, Besut sememangnya berada di bawah pemerintahan Terengganu yang menumpukan taat setianya kepada Terengganu, namun masyarakat Besut rata-ratanya menuturkan dialek Kelantan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memberikan penjelasan yang lebih mendalam kepada penutur dialek Kelantan, penutur dialek Terengganu, dan penutur dialek luar terhadap hubungan antara dialek dengan jati diri masyarakat yang mendiami sempadan negeri Kelantan dan Terengganu ini. Seterusnya, dapatan kajian ini dapat digunakan sebagai asas dan kerangka sebenar dalam menentukan hala tuju jati diri penutur dialek Besut.

Hipotesis Sapir-Whorf menyatakan bahawa bahasa mempengaruhi budaya dan budaya pula saling berhubung kait dengan bahasa. Dengan kata lain, bahasa dan budaya saling bertimbal balik. Abdullah (2009) pula menetapkan bahawa terdapat lima ciri yang menyumbang kepada pembentukan jati diri, iaitu bahasa, budaya, geografi, leluhur dan agama. Justeru, untuk merealisasikan perkara ini, kajian di daerah Besut ini diharapkan dapat menjelaskan peranan dialek (sebahagian daripada bahasa) dalam membentuk jati diri penutur dialek tersebut. Maka, kajian ini signifikan dalam menguji teori, andaian, dan perspektif tersebut.

Kajian ini mencuba merungkai kajian dialek dalam konteks dan situasi yang baharu sejajar dengan kenyataan Asmah (2008:131) bahawa dengan meningkatnya bidang sociolinguistik, kajian dialek tidak terhad kepada kajian dalam ruang geografi saja, tetapi meliputi juga kajian dalam bidang sosial yang memberi perhatian kepada penggunaan dialek dalam berbagai-bagai konteks sosial. Sehingga waktu kajian ini dijalankan, pengkaji masih belum menemui rekod ilmiah yang menyentuh perihal jati diri penutur dialek Besut. Justeru, setelah berbagai-bagai andaian dan tanggapan yang dilakukan terhadap jati diri penutur dialek Besut, kajian ini bakal memberikan maklumat dan pengetahuan sebenar kepada penyelidik bahasa dan juga masyarakat luar tentang hala tuju sebenar jati diri penutur dialek Besut.

Maklumat daripada hasil kajian ini juga diharapkan dapat menghasilkan satu penemuan baru dalam bidang sosiolinguistik yang seterusnya mampu mempengaruhi perkembangan ilmu dialek. Kebanyakan kawasan peralihan menghadapi kekeliruan yang sama berhubung dengan masalah dialek, identiti dan budaya. Justeru, pemahaman tentang sikap, pemikiran, dan pandangan masyarakat penutur di kawasan peralihan atau sempadan antara dua negeri terhadap isu jati diri dapat memberi sumber inspirasi kepada para penyelidik di luar sana untuk terus giat menjalankan kajian di kawasan peralihan seperti di Besut.

Harapan pengkaji ialah penghasilan maklumat-maklumat berupa dialek, budaya dan sejarah Besut dapat direkodkan dan dimanfaatkan oleh Majlis Daerah Besut, baik untuk tujuan ilmiah mahupun khazanah negeri Terengganu. Dapatan yang diperolehi dalam penyelidikan ini diharapkan dapat menjadi panduan dan pedoman kepada badan-badan penyelidikan bahasa dan kebudayaan seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan Kementerian Kebudayaan dan Penerangan untuk menggalakkan lagi penyelidikan kebahasaan di kawasan peralihan. Akhir sekali, penyelidikan ini diharapkan dapat menggalakkan lagi kajian ilmiah yang menyeluruh di Besut dalam kalangan penyelidik bahasa, budaya dan sejarah Melayu.

1.6 Skop Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini memberi tumpuan kepada salah satu kelompok masyarakat Melayu yang terangkum dalam negeri Terengganu tetapi menuturkan dialek Kelantan dalam kehidupan harian mereka. Kajian ini dibataskan kepada 120 orang responden yang terdiri daripada 47 orang responden lelaki dan 73 orang responden perempuan. Lingkungan umur pula adalah bermula daripada responden yang berumur seawal 15 tahun sehingga 56 tahun dan ke atas. Seterusnya, tiada batasan pekerjaan dan tahap pendidikan yang ditetapkan dalam kriteria pemilihan responden kajian ini. Aspek utama yang ingin dikaji dalam penyelidikan ini ialah aspek jati diri masyarakat Besut yang bersandarkan kepada penggunaan dialek mereka. Justeru, kajian ini berusaha untuk melihat ciri jati diri yang dipertahankan oleh masyarakat Besut serta kaitannya dengan dialek, budaya, geografi, leluhur, dan agama.

Elemen budaya hanya melibatkan aktiviti kesenian dan kebudayaan (tarian, permainan tradisional, persembahan dan muzik tradisional), makanan dan masakan tradisional, dan cara hidup yang diamalkan dalam kehidupan seharian seumpama adat resam, pantang-larang, dan kepercayaan. Elemen geografi pula hanya merangkumi para responden yang bermastautin di 15 buah mukim dalam daerah Besut. Mukim Pulau Perhentian tidak termasuk dalam kajian ini kerana faktor geografi dan pengasingan masyarakat di pulau tersebut dengan masyarakat luar.

Skop leluhur dalam kajian ini ialah keturunan atau nenek moyang para responden dengan penekanan terhadap leluhur dari Kelantan dan Terengganu. Oleh kerana responden yang terlibat ialah masyarakat Melayu, maka elemen agama dalam kajian ini hanya melibatkan agama Islam yang hanya diberi penekanan terhadap aktiviti

keagamaan sahaja seperti ceramah agama, kuliah agama, sebutan huruf jawi seperti *Alif Ba Ta*, dan perbuatan terhadap perkara yang berkaitan dengan agama Islam.

1.7 Definisi Operasional

Beberapa perkataan dan frasa yang terlibat dalam kajian ini perlu diberikan definisi untuk merujuk secara khusus kepada penggunaannya. Kata dan frasa yang terlibat dalam kajian ini ialah “Dialek dan Jati Diri Masyarakat Besut Dari Sudut Sociolinguistik”.

1.7.1 Dialek

Kelainan berbahasa dalam kalangan penutur bahasa Melayu telah mewujudkan variasi bahasa yang disebut sebagai dialek, loghat atau slanga. Dialek ialah cabang-cabang kecil sesuatu bahasa (Chambers dan Trudgill, 1990; 3). Takrifan ini turut disetujui oleh Noriah (2003: 9) yang menyatakan bahawa:

“...bahasa boleh dianggap sebagai sebuah sistem terbuka yang dalamnya terkandung beberapa bahagian dan bahagian-bahagian dalam sistem bahasa inilah yang dikatakan dialek...”

Seterusnya, definisi dialek diteliti lagi oleh Collins, (1986; xx) yang berpendapat bahawa dialek sebagai suatu ragam bahasa yang dapat dibezakan dengan agak tegas daripada ragam lain melalui ciri lafaz, kosa kata, atau tatabahasa. Ragam bahasa pula terdapat di dalam daerah geografi tertentu atau dalam suasana ruang sosial tertentu. Selain faktor geografi, faktor sosial turut terlibat dalam mewujudkan dialek, dan faktor sosial tersebut yang dikenali sebagai dialek sosial.

Dialek sosial wujud daripada aspek penggunaan bahasa oleh penutur. Menurut Noriah (2003:14), aspek penggunaan tersebut dipecahkan kepada dua, iaitu latar belakang pengguna dan latar belakang penggunaan. Kepelbagaian latar belakang pengguna yang dimaksudkan ialah seperti umur, jantina, etnik, status sosial dan lain-lain. Kepelbagaian tersebut akhirnya membentuk penggunaan bahasa yang berbeza seperti bahasa kreol dan bahasa pijin. Seterusnya, latar belakang penggunaan seperti pekerjaan, prestij dan taraf juga banyak mempengaruhi dialek sosial. Misalnya bahasa baku, bahasa formal, bahasa tak formal, bahasa kasar, bahasa halus, bahasa istana, dan sebagainya.

Definisi dialek di Malaysia diperhalusi oleh Farid dan Ajid (1993: xiii), kedua-dua tokoh tersebut berpendapat bahawa konsep dialek di Malaysia secara umumnya dikaitkan dengan ragam pertuturan yang didasarkan pada daerah atau kawasan pertuturannya. Hal ini demikian kerana cara pertuturan masyarakat Malaysia rata-ratanya dipengaruhi oleh ruang geografinya yakni negeri, daerah, atau kawasan sempadan. Misalnya, penduduk di kawasan geografi Kedah menuturkan dialek Kedah,

penduduk di kawasan Kelantan menuturkan dialek Kelantan, dan begitulah seterusnya dengan penduduk di negeri-negeri lain.

Maka, tidak syak lagi bahawa dialek merupakan pecahan-pecahan kepada bahasa dan kewujudan antara satu dialek dengan dialek lain yang diperlihatkan melalui perbezaan ciri linguistik sesebuah kelompok penutur. Dengan kata lain, dialek ialah satu bentuk pertuturan yang dituturkan oleh sekelompok penutur di kawasan tertentu. Maka, dialek dalam kajian ini hanya merujuk kepada penggunaan dialek dalam kalangan penutur di daerah yang bersempadan di antara negeri Terengganu dan Kelantan yakni di Besut, Terengganu.

1.7.2 Jati diri

Menurut Ahmad Mohamad Said (2009:59), jati bermaksud asli, murni, tulen dan tidak bercampur, manakala diri pula bermakna batang tubuh atau badan sendiri. Dengan erti kata lain jati diri atau *huwiyah* dalam bahasa Arab bermaksud sifat atau watak yang asli yang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu bangsa yang membentuk identiti serta perwatakan bangsa itu. Umumnya, jati diri atau identiti merupakan pegangan atau cara hidup yang dipegang oleh seseorang individu, masyarakat, bangsa, agama, negara dan sebagainya. Walaupun terdapat pelbagai jenis jati diri, namun semuanya bermula daripada individu itu sendiri. Oleh yang demikian, jati diri merupakan elemen dan pegangan penting bagi setiap individu.

Menurut Noriah (2003: 67-68), jati diri digunakan oleh manusia untuk membentuk kelompok tertentu. Jadi, jati diri bertindak mencerminkan jenis keanggotaan seseorang individu dalam kategori atau kelompok tertentu dan menentukan tipologi sesebuah kelompok. Jati diri sesebuah bangsa pula merujuk kepada ciri yang membezakan sesuatu kumpulan manusia dengan kumpulan manusia yang lain dan rasa kekitaan individu dalam kumpulan itu (Abdullah, 2009: 62). Menurut Abdullah lagi, keperluan utama dalam mendefinisikan sesebuah bangsa ialah berkongsi ciri yang sama, dan ciri tersebut hendaklah dapat membezakan sesebuah bangsa daripada bangsa-bangsa lain yang berjiranan.

Walau bagaimanapun, jati diri yang dirujuk dalam kajian ini merujuk kepada pegangan atau pendirian yang membezakan sesebuah kelompok masyarakat penutur dengan kelompok masyarakat penutur lain. Maka, secara amnya konsep jati diri yang dilihat dalam kajian ini ialah jati diri berbentuk pegangan atau semangat kenegerian yang dipegang oleh anggota masyarakat penutur di daerah Besut. Justeru, skop jati diri dalam kajian ini hanya melibatkan anggota masyarakat penutur berbangsa Melayu di daerah Besut tanpa melibatkan bangsa atau kumpulan yang lebih besar.

1.7.3 Masyarakat Besut

Besut dalam kajian ini merujuk kepada nama sebuah kawasan yang terletak di bahagian utara negeri Terengganu. Hanya sedikit sahaja cerita yang mencatatkan mengenai sejarah awal Besut, namun istilah Besut telah digunakan sejak ratusan tahun lagi, yakni sejajar dengan kewujudan catatan lama seperti dalam buku *Kisah Pelayaran Abdullah (1970: 117)*, “Maka, ada-lah kira-kira pukul empat petang, sampai-lah ka Kuala Besut, di tempat perompak itu,”

Walaupun kedua-dua catatan tersebut hanya menyebut perihal Besut secara sepintas lalu, namun hal ini jelas sekali membuktikan kewujudan Besut yang berasal sejak ratusan tahun lagi. Menurut Mat Hussin (1989: 69), orang yang mula-mula sekali memerintah Besut ialah ketua lanun yang bernama Raja Sang Nyanya. Namun demikian Besut kemudiannya diserahkan kepada seorang Ketua Suku Sakai, iaitu Pak Besut atau Tok Sut dan dari situlah dikatakan bermulanya asal usul nama Besut.

Seterusnya, Tok Sut telah menyerahkan Besut kepada Encik Latif, iaitu seorang pedagang dari Palembang, Sumatera yang singgah di situ, dan ‘harga’ yang dibayar oleh Encik Latif kepada Tok Sut hanyalah dengan segantang mata kail. Setelah itu, Encik Latif telah membuka kawasan baru di sekitar Kuala Sungai Besut yang seterusnya membawa kepada pembukaan Kampung Palembang, dan oleh sebab kedudukannya yang berhampiran dengan laut, maka Palembang menjadi kawasan tumpuan dan persinggahan para pedagang, lalu menarik kedatangan lanun ke sana. Maka, sejajar dengan kemajuan jalan lautnya sebagai aktiviti perdagangan, Palembang mula mengalami masalah lanun. Lama-kelamaan, kedatangan lanun tersebut semakin menjadi-jadi dan menjadikan muara Kuala Besut sebagai pangkalan mereka.

Ekoran itu, sebagai jalan untuk mengatasi masalah lanun yang semakin meruncing, Encik Latif telah meminta perlindungan daripada Sultan Terengganu. Sebagai balasannya, beliau telah menawarkan Kampung Palembang kepada Sultan Terengganu pada waktu itu iaitu Sultan Mansor I (1726-1799). Sehubungan dengan itu, pada tahun 1815 Tengku Kadir, iaitu putera Sultan Mansor I telah dilantik sebagai Raja Palembang dengan menjadikan Kampung Raja sebagai pusat pemerintahan. Bermula dengan perlantikan tersebut, Kampung Palembang secara rasminya menjadi jajahan Terengganu.

Palembang seterusnya diperintah oleh Tengku Hitam, Tengku Ali, Tengku Chik Haji, dan pemerintahan terakhir dalam dinasti beraja Palembang diterajui oleh Tengku Ngah. Selepas kemangkatan Tengku Ngah, Palembang mula menyaksikan perubahan dari segi pentadbiran apabila pentadbiran beraja digantikan dengan seorang pesuruhjaya yang berperanan sebagai wakil baginda sultan di Kuala Terengganu. Bermula pada waktu itulah Palembang mula dikenali sebagai Besut. Namun demikian, kemangkatan pesuruhjaya Besut yang pertama, iaitu Tengku Long telah menyebabkan Besut ditadbir terus dari Terengganu dan menerima seorang penasihat British, iaitu Mr. Mac Carron.

Pada tahun 1910, kebakaran yang besar di Kota Palembang telah memusnahkan kota Palembang dan akibatnya para penduduknya terpaksa berpindah ke petempatan baru. Tanggal 31 Ogos 1957, iaitu pada hari Kemerdekaan Malaysia menyaksikan berakhirnya pemerintahan Besut di bawah penasihat British. Maka, bermula dari tarikh tersebut, pentadbiran Besut diletakkan di bawah naungan seorang Pegawai Daerah seperti yang terdapat sekarang ini. Pada waktu tersebut, Besut dan Setiu merupakan sebuah daerah yang sama sehingga Besut telah dipisahkan daripada Setiu pada 1 Januari 1985 (Pejabat Tanah Daerah Setiu 2014). Justeru, masyarakat Besut dan Setiu kini adalah dua masyarakat berbeza, malah kedudukan geografi Setiu yang lebih hampir dengan pusat budaya Terengganu menjadikan masyarakat Setiu turut menuturkan dialek Terengganu dalam pertuturan dialek Kelantan mereka berbanding masyarakat Besut yang majoritinya menuturkan dialek Kelantan.

1.7.4 Sociolinguistik

Sociolinguistik secara amnya meneliti tentang aspek bahasa dan masyarakat (sosiologi). Sebelum munculnya istilah sociolinguistik yang mula diperkenalkan pada tahun 1952, bidang kajian ini pernah disebut sebagai Bahasa, Pemikiran dan Kebudayaan (*Language Thought and Culture*), malah ada yang menyebutnya sebagai Bahasa dan Pemikiran dalam Tindakan (*Language and Thought in Action*) (Ahmad Rashid dan Amat Juhari, 2010: 21). Namun, sociolinguistik yang dirujuk dalam kajian ini didasari oleh dua aspek kajian, iaitu bidang sosiologi dan bidang linguistik.

Walaupun istilah sociolinguistik berasal daripada gabungan perkataan sosiologi dan linguistik, namun sociolinguistik dan sosiologi bahasa adalah dua bidang yang berbeza. Menurut Hudson (1989:5), perbezaan antara sociolinguistik dan sosiologi terletak pada penekanan terhadap aspek kajian. Sociolinguistik ialah kajian tentang bahasa dan kaitannya dengan masyarakat manakala sosiologi bahasa pula ialah kajian tentang perlakuan masyarakat terhadap bahasa. Dalam masa yang sama, pelbagai definisi sociolinguistik telah diberikan oleh sarjana bahasa. Antaranya ialah:

“Sociolinguistik ialah kajian tentang ciri khas variasi bahasa, fungsi-fungsi variasi bahasa, dan pemakai bahasa kerana ketiga unsur ini selalu berinteraksi, berubah, dan saling mengubah satu sama lain dalam satu masyarakat tutur.” (Fishman, 1975:4)

“Cabang ilmu linguistik yang bersifat interdisipliner dengan ilmu sosiologi, dengan objek penelitian hubungan antara bahasa dengan faktor-faktor sosial di dalam suatu masyarakat penutur.” (Abdul Chaer dan Leonie Agustina, 1995:5)

“Bidang sociolinguistik mencakupi semua aspek bahasa dalam hubungannya dengan masyarakat.” (Nik Safiah, 1988: 2)

“Kajian terhadap hubungan bahasa dengan masyarakat (dan organisasinya) yang menggunakan bahasa tersebut.” (Noriah, 2003:3)

Berdasarkan definisi tersebut, jelas bahawa sosiolinguistik merujuk kepada konsep bahasa dan masyarakat, dan kedua-dua entiti tersebut tidak dapat dipisahkan. Bahasa dituturkan oleh masyarakat dan masyarakat sebagai penutur bahasa memang tidak dapat dipisahkan daripada kepelbagaian dan keunikan dalam penggunaan bahasa. Malah Teo Kok Seong (2007: 114) menganggap bahawa bahasa dan masyarakat adalah satu struktur. Maka, kajian sosiolinguistik penting untuk meneliti penguasaan bahasa dalam konteks sosial dan budaya masyarakat penuturnya. Oleh hal yang demikian, pendekatan sosiolinguistik dalam kajian ini bertujuan untuk mengkaji penggunaan dialek dalam proses pembentukan jati diri masyarakat penutur dialek tersebut.

Secara keseluruhannya, bab ini menerangkan arah tujuan kajian yang bakal dijalankan. Faktor sejarah, politik dan geografi negeri Terengganu merupakan faktor perubahan, pengkalan dan pembentukan dialek di Daerah Besut yang seterusnya mempengaruhi jati diri anggota masyarakatnya. Oleh yang demikian, kajian ini akan memperlihatkan juga kaitan antara dialek dengan jati diri masyarakat di kawasan sempadan negeri Kelantan dan Terengganu.

Penelitian terhadap susur galur masyarakat awal Besut dapat memberi penjelasan yang membantu kajian ini kerana sikap dan jati diri turut dipengaruhi oleh leluhur mereka. Para pengkaji bahasa mengenali Besut sebagai salah sebuah daerah yang terletak di negeri Terengganu dan menggunakan dialek Kelantan dalam kehidupan seharian, tetapi jati diri dan sikap mereka terhadap bahasa kurang mendapat perhatian para pengkaji. Justeru, aspek dialek dan jati diri ini merupakan aspek utama yang ditekankan dalam kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Chaer dan Leonie Agustina. (1995). *Sosiolinguistik: Suatu Pengantar*. Jakarta: PT RINEKA CIPTA.
- Abdul Hamid Mahmood. (1990). Dialek Terengganu: Satu Tinjauan Ringkas. *Jurnal Dewan Bahasa*, 34(3): 217-225.
- Abdul Rashid Daing Melebek, Amat Juhari (2010). *Sosiolinguistik dan Bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Abdul Kadir. (1970). *Kisah Pelayaran Abdullah Ka-Kelantan dan kaJudah*. Diberi Pengenalan dan Anotasi oleh Kassim Ahmad. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Abdullah Hassan. (2009). Bahasa Melayu di Persimpangan: Antara Jati Diri dengan Rempuhan Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan* 16:59-81.
- Adi Yasran Abdul Aziz. Tesis PhD. Aspek Fonologi Dialek Kelantan: Satu Andaian Teori Optimaliti. Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005.
- Ahmad Fathy al-Fatani. (2012). Dilema Basa Yawi di Selatan Thai: Antara Kesetiaan Bahasa dan Cabaran Semasa. *Jurnal Melayu*, (9): 99-12.
- Ahmad Mohamad Said (2009). *Jati Diri dan Psikik Melayu*. Akademi Kajian Ketamadunan Kolej Darul-Hikmah: Blue T Publication.
- Ajid Che Kob. (1985). *Dialek Geografi Pasir Mas*. Bangi: Penerbit UKM.
- Asmah Omar. (1980). Persepsi dan Kenyataan Seperti yang Tergambar dalam Dialek Kedah. *Dewan Bahasa*, 2(12): 79-102.
- Asmah Omar. (1997). Bahasa Standard, Dialek dan Dialek-Antara: Beberapa Persoalan Teoretis. *Jurnal Pengajian Melayu* 12 (1), 1-18.
- Asmah Omar. (2001). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2005a). *Sama Serumpun*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Omar. (2005b). *Alam dan penyebaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Omar. (2006). *Bahasa Melayu di Samudera: Benih yang Baik Menjadi Pulau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Omar. (2008). *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bloomfield, L. (1992). *Bahasa*. Diterjemahkan oleh Alias Mahpol, Kamaruzaman Mahayiddin, dan Noor Ein Mohd. Noor. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buku Rancangan Tempatan Besut 2008-2010*. Disediakan oleh Majlis Daerah Besut dengan Kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.
- Bunce, P. (1993). *Cocos Islands – Australian Atolls in the Indian Ocean*. Milton, Queensland: Jacaranda Press.
- Buyong Adil. (1982). *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J.K dan Trudgill, Peter. (1990). *Dialektologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chua Yan Piaw. (2012). *Asas Statistik Penyelidikan Edisi Kedua (Buku 2)*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Sdn. Bhd.
- Collins, James T. (1986). *Antologi Kajian Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, James T. (1983). *Dialek Ulu Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cronbach's alpha. Diakses pada 8 Mac 2017 daripada https://en.wikipedia.org/wiki/Cronbach's_alpha.
- Farid M. Onn dan Ajjid Che Kob. (1993). *Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fishman, J.A. (1975). *The Sociology of Language*. Massachusetts: Newbury House Publishers.
- Hashim Musa dan Halimah Pondo. (2012). *Isu Sociolinguistik di Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hudson, R.A (1995). *Sociolinguistics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Idris Aman. (2011). Aksen Kebangsaan Penutur Natif Melayu dalam Konteks Keterpisahan Wilayah. Dalam *Aksen Bahasa Kebangsaan, Realiti Identiti Integrasi*. Disunting oleh Idris Aman. (ms. 24-43). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman, Rosniah Mustaffa, Zaharani Ahmad, Jamilah Mustafa, dan MohammadFadzeli Jaafar (2011). Aksen Standard Bahasa Kebangsaan: Realiti, Identiti dan Integrasi. Dalam *Aksen Bahasa Kebangsaan, Realiti Identiti Integrasi*. Disunting oleh Idris Aman. (ms. 72-88). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Jufrizal, Zul Amri dan Refnaldi. (2007). Hipotesis Sapir-Whorf dan Struktur Informasi Klausa Pentopikalan Bahasa Minangkabau. *Jurnal Linguistika*,14(26), 1-22.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kramsch, C. (1998). *Language and Culture*. UK: Oxford University Press.
- Laporan Bancian Penduduk dan Perumahan Malaysia*. (2010). Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Lee Yok Fee. (2011). Identiti Harian Dalam Subjektiviti Cina Malaysia. *Jurnal Terjemahan Alam dan Tamadun Melayu*, 2(2): 68-87.
- Lieberman, E. James. (1979). Esperanto and Trans-National Identity: The Case of Dr. Zamenhof. *International Journal of the Social Language*. 20, 89-107.
- Majtanova Miroslava. (2012). Pengukuhan Identiti dalam Konteks Kumpulan berkaitan. Dalam *Bahasa dan Pembinaan identiti*. Disunting oleh Roslina Mamat, Syed Nurul Akla Syed Abdullah, dan Lim Choon Bee. (ms. 164-182). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mahmud Mamat (1975). *Sejarah Ringkas Pendidikan Pondok di Daerah Besut Terengganu*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.
- Mat Hussin Dollah. (1989). Besut Dari Perspektif Sosio-Politik 1700-1900. Dalam *Pesaka v. Dato' Setia Jasa dan Mohd. Yusof Abdullah*. Terengganu: Lembaga Muzium Negeri Terengganu.
- Mohd Sheffie Abu Bakar. (1991). *Metodologi Penyelidikan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mok Soon Sang. (2008). *Pengkaedahan Penyelidikan Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Nik Safiah Karim. (1988). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Nor Aina Dani. (2000). *Kaedah Penyelidikan dalam Bahasa Melayu*. Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM.
- Nor Hisham Osman. (1994). *Kajian Pemilihan Bahasa di Kawasan Perumahan Ulu Derdap Seberang Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. (2003). *Beberapa Topik asas Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Noriah Mohamed dan Meriam Abd. Karim. (2005). Penggunaan Bahasa Melayu Kreol Chetti Melaka: Satu Analisis Domain. *Jurnal Bahasa*, 5(1):1-50.
- Norizah Ardi. (2005). *Sikap Terhadap Bahasa Melayu dan Penggunaannya di Kalangan Pelajar Universiti di Selatan Thailand*. Disertasi Ph.D Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Norizah Ardi dan Saliza Ismail dalam *Bahasa Sebagai Elemen Jati Diri Bangsa: Satu Kajian Sikap*, Bahasa Melayu Dalam Pembinaan Sahsiah dan Jati Diri Negara Bangsa (Seminar Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-V 2009) (ms. 323-329). Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM.
- Patriantoro, Sumarlam, Inyo Yos Fernandez. (2012). Dialektologi Bahasa Melayu di Pesisir Kabupaten Bengkayang. *Kajian Linguistik dan Sastra*, 24(1): 101-112
- Pejabat Daerah dan Tanah Setiu. (2014). Latar belakang. Diakses daripada http://pdtsetiu.terengganu.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=101&Itemid=53 13.8.2016.
- Raja Ali Haji. (1998). *Tuhfat al-Nafis. Dikaji dan diperkenalkan oleh Virginia Matheson*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2007). *Status Penggunaan Bahasa Melayu di Pulau Kokos, Australia*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Raja Masittah Raja Ariffin. (2013). *Bahasa dan Budaya Masyarakat Melayu di Pulau Kokos, Australia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Riley, Philip. (2007). *Language, Culture and Identity: An Ethnolinguistic Perspective Advances in Sociolinguistics*. Continuum International Publishing Group: Routledge
- Sa'adiah Mat Alip. Sikap Bahasa dan Identiti: Kajian Kes Masyarakat Narum, Sarawak. *Jurnal Melayu* (6) 2011: 57-72.
- Sa'adiah Mat Alip (2014). Pemilihan Bahasa: Proses Pemilihan Bahasa dalam Masyarakat Orang Asli Che Wong. *Jurnal Melayu* 1(12): 32-43.
- Sapir, E. (1921). *Language: An Introduction to The Study of Speech*. New York: Harcourt, Brace & World.
- Saville-Troike, Muriel. (1991). *Etnografi Komunikasi: Suatu Pengenalan*. Diterjemah oleh Ajid Che Kob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Singh, Isthla (2000). Language and Ethnicity. Dalam Thomas, Linda dan Wareing, Shan. *Language, Society and Power* (ms. 83-97). USA dan Kanada: Routledge.
- Spolsky, Bernard (2010). *Sociolinguistics*. Oxford University Press: United Kingdom.
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan, Edisi Baru*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Tan Chee Beng (1988). *The Baba of Melaka*. Petaling Jaya: Pelanduk Publication (m) Sdn. Bhd.
- Teo Kok Seong. Sosiolinguistik. (2007). *Dalam Linguistik Melayu Edisi Kedua*. Disunting oleh Zulkifli Hamid, Ramli Md. Salleh, Rahim Aman. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Terengganu Guide, Culture, Arts and Heritage Booklet*. (2015) Diakses daripada http://www.tourism.terengganu.gov.my/index.php/14-muat_turun/568-terengganu-guide-culture-arts-and-heritage-booklet 5.5.2015
- Trudgill, P. (1984). *Applied Sociolinguistic*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Trudgill, P. (2002). *Sociolinguistic Variation and Change*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Wan Abdul Kadir. (2003). *Pengkaedahan Penyelidikan Pengajian Melayu*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.
- Whorf, Benjamin Lee. (1956). *Language, Thought and Reality: Selected Writing of Benjamin Lee Whorf/Edited with Introduction by John B. Carroll: Foreword by Stuart Chase*. Cambridge, Massachusetts: M.I.T Press.
- Yulia Esti Katrini. (2010). Teori Gelombang dalam Bahasa Jawa Dialek Banyumas, *Open Journal Systems*, Vol. 20(9):16-23, Diakses daripada <http://jurnal.utm.ac.id/index.php/mt/article/view/475> 5.5.2015.
- Zainal Abidin bin Masleh. (2011). *Kajian Etnolinguistik Terhadap Kelestarian Bahasa Bhuket dan Bahasa Lahanan di Daerah Belaga, Sarawak*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan): Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Zaitul Azma dan Ahmad Fuad. (2011). Bahasa dan Pemikiran dalam Peribahasa Melayu. *GEMA online Journal Language Studies*, 11(3): 31-51
- Zuraidah Mohd Don (2005). Persepsi Pelajar Kelantan: Suatu Kajian Vitaliti Etnolinguistik. Dalam *Sama Serumpun*. Asmah Omar. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan I

SENARAI PENERBITAN

Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin, Normadiyah Sheikh Said (2014). Kekeliruan Jati Diri Punca Bahasa Bercampur aduk. *Jurnal Bahasa* 14 (1): 135-158. ISSN 1511-9084

Siti Rahimah Mustaffa, Raja Masittah Raja Ariffin, Adi Yasran Abdul Aziz, dan MohdSharifudin Yusop (2017). Pelestarian Dialek Kelantan di Besut dan kaitannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Bahasa* 17 (1), 144-172. ISSN 1511-9084

Siti Rahimah Mustaffa (2015). Realiti Penutur Bahasa. *Dewan Bahasa* 5 (Mei):49-52. ISSN 1511-9092